



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### PINDAAN AKM 1998 MENYELURUH

**CYBERJAYA, 14 Ogos 2015 ---** Pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang bakal dibentangkan di Parlimen Oktober ini, memberikan penekanan menyeluruh kepada usaha mewujudkan suatu persekitaran yang lebih kondusif ke arah memacu pertumbuhan industri Komunikasi dan Multimedia negara, demikian tegas Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Dato' Sri Dr. Halim Shafie.

Menurut Dr. Halim, tanggapan sesetengah pihak bahawa kajian semula ke atas AKM 1998 hanya menjurus kepada isu-isu media sosial adalah tidak benar kerana ia juga membabitkan aspek-aspek lain. Katanya, selaras dengan perkembangan semasa yang menyaksikan ledakan teknologi canggih, perluasan perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar serta kewujudan peranan media sosial, pindaan ke atas AKM yang mengambil kira pelbagai aspek adalah sesuatu yang wajar.

“Kajian semula dan pindaan ke atas AKM 1998 mengambil kira perubahan-perubahan yang dinyatakan tadi dan mempunyai beberapa objektif utama. Yang pertama, ia bertujuan mempertingkat lagi pembangunan industri Komunikasi dan Multimedia, keduanya, mewujudkan suatu persekitaran yang lebih terjamin untuk masyarakat ketika menggunakan aplikasi multimedia dan yang ketiga, menyemai budaya penggunaan Internet yang berhemah dan positif dalam kalangan rakyat.

“Bagi merealisasikan agenda ekonomi digital, selain dari usaha memperluaskan perkhidmatan jalur lebar mudah alih ke seluruh Negara, usaha juga akan ditumpukan kepada aspek pembangunan prasarana dan piawaian bagi menggalakkan pembangunan perkhidmatan digital yang berasaskan teknologi mudah alih seperti dalam bidang pembayaran, pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan sebagainya. Penekanan kepada pembangunan perkhidmatan digital ini penting oleh kerana dijangkakan menjelang 2020, jurang digital yang baharu iaitu dalam perkhidmatan digital akan wujud jika usaha perluasan perkhidmatan tersebut tidak diberikan fokus,” jelasnya.

Pada masa yang sama, Dr. Halim memberitahu, industri Komunikasi dan Multimedia hanya akan berkembang maju jika masyarakat mempunyai keyakinan terhadap infrastruktur Komunikasi dan Multimedia yang selamat dan terjamin. Beberapa peruntukan berkaitan dengan keselamatan rangkaian jelas beliau, akan dimasukkan dalam pindaan Akta tersebut bagi memastikan



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

keselamatan prasarana maklumat khasnya prasarana atau rangkaian yang digunakan dalam penyampaian perkhidmatan kritikal adalah terjamin.

Sementara itu, Dr. Halim juga menggesa pengguna media sosial untuk tidak melihat pindaan ke atas AKM 1998 sebagai satu tindakan untuk mengawal Internet. Jelas beliau, meskipun terdapat prinsip tiada sekatan ke atas Internet seperti yang diperuntukkan dalam Jaminan No 7 MSC, ia tidak bermakna Internet boleh disalah guna dengan sewenang-wenangnya.

Jaminan kebebasan tersebut, tegas Dr. Halim, sebenarnya tertakluk di bawah Seksyen 3 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan kebebasan berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam AKM. Dalam erti kata lain, ia bukan jaminan mutlak bahawa seseorang pengguna boleh memuat naik apa sahaja dalam media sosial tetapi tertakluk kepada undang-undang negara yang melibatkan kepentingan negara.

“Semuanya ini dibuat dengan harapan agar kemudahan Internet dan multimedia digunakan secara berhemah sejajar dengan hasrat melahirkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja kreatif tetapi juga berhemah ketika menggunakan Internet.

“Realitinya, ketika Kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia pada 1998 yang lalu, hasratnya ialah untuk memudahkan pengaliran maklumat positif bagi menarik pelaburan melalui Internet dan bukannya sebagai medan untuk menghasut, menghina mahupun mengganggu-gugat orang lain,” tambahnya lagi.

**TAMAT//**

### Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)